

Newspaper	Berita Harian
Date	5 November 2015

# Perubatan, rawatan berkualiti untuk rakyat

» Hospital tak dikenakan caj perundingan, kekal harga rendah: PM

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Nsyib Razak berkata Kerajaan Barisan Nasional (BN) akan terus menyediakan kemudahan perubatan dan rawatan berkualiti pada kadar harga yang rendah untuk rakyat dan meneruskan dasar itu mengikut kemampuan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, hospital kerajaan tidak mengenalkan caj perundingan keiparakan dan menetapkan kadar yang rendah untuk perubatan serta perkhidmatan lain.

"Berbeza pula dengan caj perkhidmatan hospital swasta. Kerajaan tetap prihatin dan membantu rakyat yang memerlukan, Perubatan di hospital kerajaan adalah percuma," katanya dalam catatan terbaru akaun Facebook beliau selepas melawat Hospital Shah Alam (HSA), petang semalam.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri diberi taklimat oleh Pengarah HSA, Dr Hasni Hanapi.

rinjau pelaksanaan projek Perdana Menteri incjelaskan lawatan ke HSA adalah untuk meninjau pelaksanaan projek dalam bajet negara.

HSA akan memulakan perkhidmatan pesakit dalam mulai Januari 2016. Pembinaan HSA juga dijangka dapat mengurangkan kebergantungan dan kesesakan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah di Klang.

Perkhidmatan pesakit luar dan klinik pakar HSA dimulakan pada Oktober lalu.

Najib berkata, kerajaan sentiasa memastikan kebajikan pesakit tejamin terutama mereka yang menghidap penyakit kronik seperti kerosakan buah pinggang.

Oleh itu, katanya, kerajaan memperuntukkan jumlah yang besar setiap tahun sebagai bantuan perubatan dan kos pembelian mesin haemodialisis di hospital kerajaan.



Najib meluangkan masa berbual bersama doktor pakar ketika melawat HSA, semalam. [FOTO FACEBOOK/NAJIBRAZAK]



Najib ketika meninjau kemudahan perubatan disediakan HSA. [FOTO FACEBOOK/NAJIBRAZAK]

"Pesakit buah pinggang kini hanya perlu membayar RM13 untuk sesi haemodialisis di mana-mana hospital kerajaan berbanding caj perkhidmatan swasta antara RM200 hingga RM250," katanya.

Unit haemodialisis HSA NEyib juga melawat unit haemodialisis HSA yang dilengkapi 20 mesin baharu. Unit itu mampu merawat 78 pesakit

buah pinggang setiap minggu. Perdana Menteri turut diberikan penerangan kesan pengecualian Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ke atas semua jenis ubat terkawali seperti yang diumumkan dalam Bajet 2016, baru-baru ini.

Ketika membentangkan Bajet 2016, Najib mengumumkan sebanyak 8,630 jenama ubat akan dikecualikan GST bermula 1 Januari depan berbanding

**"Kos rawatan hanya RM13 hingga RM390 di hospital kerajaan berbeza dengan kos di hospital swasta sekurang-kurangnya 11 kali ganda"**

Najib Razak,  
Perdana Menteri

hanya 4,215 ketika ini.

Pengecualian itu dikenakan kepada semua jenis ubat terkawal di bawah senarai Racun Kumpulan A, B, C dan D serta 95 jenama ubat over the counter meliputi ubat bagi 30 jenis penyakit seperti kanser, kencing manis, darah tinggi dan sakit jantung.

"Saya juga meluangkan masa untuk berbual mesra bersama dengan doktor pakar di Hospital Shah Alam. Teruskan usaha murni anda dalam memberi rawatan kepada mereka yang memerlukan.

"Bagi sesiapa yang memerlukan perkhidmatan wad seperti wanita bersalin, raj katil di hospital kerajaan hanya antara RM3 hingga RM80 satu malam seperti ditawarkan di Hospital Shah Alam.

"Kos rawatan hanya RM13 hingga RM390 di hospital kerajaan berbeza dengan kos di hospital swasta sekurang-kurangnya 11 kali ganda," katanya.